

Oleh MOHD. SHAH CHE AHMAD

SIAPA yang tidak gempar apabila produk coklat yang turut dinikmati oleh umat Islam di negara ini dikesan memiliki DNA babi.

Lagi pula ia membabitkan jenama terkemuka seperti Cadbury yang telah 10 tahun mendapat kelulusan halal iaitu pada 2004.

Berikut itu, pelbagai pihak lantang bersuara mengecam Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), malah tidak kurang yang memberikan pelbagai saranan supaya tindakan tegas diambil terhadap Cadbury kerana didakwa tidak menjaga sensitiviti umat Islam di negara ini.

Bukan sahaja heboh diperkatakan oleh umat Islam di negara ini, malah perkara itu turut mendapat perhatian di beberapa negara luar yang mempersoalkan kesahihan keputusan ujian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia yang ‘bocor’ itu dan juga kredibiliti Jakim sebagai pihak bertanggungjawab mengawal status halal bagi sesuatu produk yang didaftarkan.

Perkara itu secara tidak langsung menjadikan reputasi Malaysia sebagai negara hub halal dunia yang mendahului penyelidikan dan pembangunan halal di mata dunia.

Namun, Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), **Datuk Othman Mustapha** berkata, orang ramai tidak perlu melenting apabila berlaku sesuatu isu sebaliknya merujuk kepada Jakim terlebih dahulu.

Tegasnya, Jakim tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dalam mendapatkan sijil halal dan juga sebarang salah laku dalam pensijilan halal.

Malah tambahnya, Jakim akan menjadi pihak pertama yang akan mengambil tindakan kepada sesuatu syarikat jika didapati berlaku penemuan Laporan Ketidakakururan (NCR) dalam Pensijilan Halal Malaysia atau tidak memenuhi Piawaian Pensijilan Halal Malaysia.

“Ramai yang mendakwa Jakim tidak mengambil tindakan dan lambat bertindak. Hakikatnya kita juga tidak



ORANG ramai boleh mendapatkan maklumat hanya menerusi aplikasi telefon pintar.
– Gambar hiasan

Jakim lambat bertindak?

Kali terakhir Jakim mengadakan pemantauan di kilang tersebut adalah pada 20 Februari lalu dan mendapati kilang tersebut masih mematuhi prosedur halal

dimaklumkan mengenai perkara itu dan mendapat tahu selepas maklumat keputusan itu tersebar meluas di internet pada 23 Mei lalu.

“Tetapi pada 24 Mei kita terus mengambil tindakan dengan menggantung sijil halal syarikat tersebut. Dan kali terakhir Jakim mengadakan

pemantauan di kilang tersebut adalah pada 20 Februari lalu dan mendapati kilang tersebut masih mematuhi prosedur halal yang ditetapkan,” katanya.

Melalui Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Jakim, Othman berkata, tidak akan berlaku penyelewengan atau memberi kelebihan kepada orang yang berkepentingan dalam perkara yang membabitkan status halal.

“Terdapat empat kumpulan penilai yang bertanggungjawab dalam membuat keputusan sebelum meluluskan status halal terhadap sesuatu produk. Ia adalah terdiri daripada kumpulan peneliti, audit, penilaian dan pemantauan.

“Syarikat perlu membuat permohonan sijil halal secara dalam talian (*online*) menerusi laman web bahagian Hub Halal, Jakim, e-halal dengan berserta segala ramuan yang digunakan dalam produk tersebut untuk diteliti oleh kumpulan peneliti.

“Manakala kumpulan audit pula akan ke kilang pemohon bagi melihat dan memastikan proses pembuatan produk, peralatan yang digunakan serta persekitaran, kebersihan dan pekerja di premis berkenaan agar bertepatan dengan standard yang ditetapkan.

“Selepas berpuas hati barulah laporan akan dibawa ke peringkat penilaian dan selepas panel penilai bersetuju barulah sijil halal akan dikeluarkan dan pemantauan akan dilakukan secara berkala. Setiap kumpulan penilai ini adalah individu yang berbeza,” jelasnya.

Justeru, tambahnya, unsur salah laku dalam permohonan dan penelitian sijil halal sukar berlaku kerana perlu melalui pelbagai peringkat sebelum disahkan halal.



PEMANTAUAN secara mengejut dilakukan oleh Jakim bersama pihak berkuasa bagi melihat proses sebenar pengurusan di sesuatu premis. – Gambar hiasan

Industri juga perlu bertanggungjawab dan memainkan peranan penting dalam memastikan dan memberi jaminan produk yang dihasilkan adalah sentiasa halal digunakan oleh masyarakat

Pemeriksaan mengejut

Bagi mengelakkan daripada berlaku penipuan atau salah laku dalam pemilikan sijil halal, Jakim mengadakan pemantauan secara mengejut di sesuatu premis bagi memeriksa operasi sebenar yang dilakukan.

Othman berkata, terdapat tiga jenis pemantauan yang dijalankan oleh Jakim iaitu pemantauan berkala, pemantauan aduan awam dan pemantauan susulan.

“Bagi pemegang sijil Halal Jakim, Jabatan Agama Islam Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri, pemantauan berkala iaitu sekurang-kurangnya setahun sekali.

“Manakala, syarikat yang berisiko tinggi iaitu produk yang berasaskan daging dan ayam, minyak dan lemak, rumah

semelih, tiada sistem kawalan halal, tiada eksekutif halal dan Jawatankuasa Halal Dalaman, maka pemantauan akan dilakukan lebih daripada sekali setahun.

“Jakim juga akan membuat pemantauan berdasarkan aduan awam yang diterima bersama agensi penguatkuasa berkaitan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain.

“Manakala pemantauan susulan dijalankan merangkumi pemeriksaan verifikasi terhadap tindakan pembetulan yang telah diambil oleh syarikat yang gagal mematuhi Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia,” katanya.

Bagi syarikat yang didapati tidak memenuhi Piawaian Pensijilan Halal Malaysia itu katanya, tindakan boleh dikenakan mengikut kesalahan yang dilakukan dengan denda maksimum sebanyak RM5 juta bagi syarikat dan RM1 juta dan tiga tahun penjara bagi individu.

Perkasa audit dalaman

Sehubungan itu, Othman menasihatkan kepada syarikat agar memperkasakan Jawatankuasa Halal Dalaman bagi melakukan pemantauan sendiri agar memastikan produk yang dihasilkan sentiasa mematuhi piawaian halal yang ditetapkan.

“Kita minta kepada kilang-kilang supaya memperkuuhkan sistem jaminan halal dalaman.

Oleh MUHAMMAD RIDHWAN
MOHD. HUZAIRI

BARU-baru ini negara kita digemparkan dengan isu Asid Deoksiribonukleik (DNA) babi dalam coklat yang biasa kita semua makan. Pelbagai reaksi masyarakat dapat kita lihat, ada yang sangat bersedih, melenting, ada yang mahu saman, tidak kurang ada sesetengah pihak yang bertindak mahu menyamak malah mencuci darah mereka kerana menyangka telah tercemar dengan DNA babi.

Menurut Fatwa Majlis Kebangsaan, hukum produk tersebut adalah merujuk kepada hukum asal iaitu halal dimakan kerana pencemaran atau kontaminasi yang berlaku adalah di luar kawalan dan amat sukar dielakkan.

Umat Islam yang termakan coklat itu juga tidak perlu ragu-ragu atau terlalu gusar terhadap kesucian tubuh badan mereka dan tidak perlu menyamak perut, mulut apatah lagi menukar darah.

Islam merupakan agama yang mudah, dan bukanlah agama yang terlalu ketat dan menyusahkan umatnya, lebih-lebih lagi dalam keadaan atau perbuatan yang di luar pengetahuan dan kawalan. Sabda Nabi SAW: *Sesungguhnya agama itu mudah, dan tidaklah seseorang menyusahkan agama melainkan dia akan tertewas.* (riwayat al-Bukhari)

Dimaafkan

Pendekatan hukum yang dibuat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan itu adalah selaras dengan ajaran Islam yang bersifat rahmah dan tidak memberatkan umatnya dalam keadaan yang mereka tidak mengetahui atau tidak menyedari sehingga menyukarkan kehidupan seperti pencemaran DNA babi dalam produk makanan seumpama ini.

Sesungguhnya perbuatan yang tidak disengajakan adalah diampunkan berdasarkan Hadis dari Nabi Muhammad SAW: "Sesungguhnya Allah menggugurkan daripada umatku (dosa yang mereka lakukan) kerana tersalah, terlupa dan yang dipaksakan ke atas mereka." (riwayat Ibnu Majah)

Perkara yang dilakukan sebelum pengharamannya atau tanpa mengetahui ia haram adalah dimaafkan dalam Islam. Walau bagaimanapun, pandangan agar mulut dan sebagainya disamak termasuk dalam pandangan yang tidak berasas.

Kita perlu akui kewujudan perbezaan pendapat para ulama. Tetapi mengapa perlu menyusahkan diri dengan basuhan air tanah di mulut, membazirkan duit dengan mencuci darah di hospital swasta, sedangkan ada pendapat yang lebih praktikal?

Tidak berdosa jika kita termakan benda yang haram contohnya ketika berkunjung ke luar negara, iaitu negara yang majoritiannya bukan Islam, lalu kita singgah di gerai tepi jalan dan membeli roti sandwic yang kita sangka intinya adalah ayam, tetapi rupanya adalah babi.

Maka pada ketika itu, sekiranya kita menyedari sewaktu sedang makan maka haruslah memuntahkan kembali makanan dari mulut dan jika kita menyedari selepas habis makan maka mintalah keampunan kepada Allah SWT.

Sesungguhnya Allah SWT memaafkan apa yang tidak diketahui di dalam hati kita. Sebaliknya kalau baru separuh jalan makan, lalu diberitahu tentang daging haram tersebut tetapi terus terus dimakannya juga ketika itu ia adalah berdosa.



PENGGUNA mempunyai kuasa dalam membuat pilihan untuk mendapatkan produk halal di pasaran. - Gambar hiasan

Tidak perlu samak perut

Perbuatan yang tidak disengajakan tidak berdosa menurut Islam

Langkah pencegahan

Agama Islam amat mengambil berat tentang makanan yang dimakan oleh umatnya. Justeru, ia adalah menjadi kewajipan bagi setiap orang Islam untuk memilih makanan yang halal lagi baik. Islam sebagai agama fitrah yang suci amat menjaga pemilihan makanan dengan menekankan makanan yang bersih dan halal.

Ini kerana pemakanan sangat memberi kesan kepada akhlak dan peribadi seseorang. Sikap buruk yang lahir hasil daripada memakan makanan yang haram akan mengundang pelbagai sikap negatif seperti mencuri, merompak, membunuh dan sebagainya.

Islam memandang perkara ini sebagai serius dan langkah pencegahan diambil dari peringkat awal, iaitu menghalang penggunaannya dari memakan makanan dari sumber yang haram. Jika baik makanan kita, maka baiklah peribadi kita, tetapi jika buruk makanan kita, maka buruklah peribadi kita.

Umat Islam wajib memastikan makanan yang akan diberikan keluarga mereka adalah daripada sumber yang halal dan bersih. Makanan yang suci dan bersih menjamin kesihatan yang baik. Maka di samping memilih makanan berzat dan berkhasiat, perlu ditekankan bersamanya soal kesucian dari segi syariat.

PENULIS ialah lulusan Sarjana Muda dalam bidang Syariah dan Sarjana dalam bidang Usuluddin di Universiti Yarmouk, Jordan.



AGAMA Islam amat menitikberatkan aspek pemakanan kerana ia membawa kesan kepada akhlak dan peribadi seseorang. - Gambar hiasan

Gunakan kuasa pengguna

SETIAP individu yang bergelar Muslim di Malaysia perlu peka terhadap logo halal. Mereka dinasihatkan agar jangan membeli produk makanan atau masuki restoran-restoran yang tidak memiliki dan mempamerkan sijil serta logo halal daripada pihak berkuasa.

Kuasa membeli di tangan kita, maka kitalah yang akan menjayakan usaha memartabatkan produk halal di Malaysia. Namun kita jugalah yang akan menggagalkan usaha tersebut jika kita terus menerus mengabaikan sijil atau logo halal yang telah diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia.

Mencari yang halal adalah tanggungjawab semua pihak tanpa mengira pangkat atau darjah. Ingatlah bahawa makanan haram yang kita makan akan menyebabkan doa ditolak oleh Allah. Ia sekali gus menggambarkan betapa hidup ini hilang keberkatannya jika kita bergelumang dengan perkara-perkara haram.

Perkara ini kita dapat fahami daripada sabda Rasulullah SAW: "Setiap daging yang tumbuh daripada makanan yang haram, maka api nerakah yang layak bagiinya." (riwayat Tirmizi)